

TARIKH	28/8 / 2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	4	RUANGAN	Negara

# Kerajaan taja 400 imam, ketua kampung tunai haji

Oleh MOHD. ZAINI SAMSU HADI  
zaini.hadi@kosmo.com.my

**PUTRAJAYA** – Kerajaan menaja 400 imam dan pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) dari seluruh negara untuk menunaikan ibadat haji di Tanah Suci Mekah pada tahun ini.

Surat tawaran menunaikan rukun Islam kelima tajaan Malaysia Development Berhad (IMDB) melibatkan 200 imam serta 200 pengerusi JKKK itu disampaikan sendiri oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak pada satu majlis di Seri Perdana di sini semalam.

Najib turut menghulurkan sumbangan peribadi sebanyak RM1,000 seorang kepada setiap bakal haji itu.

Dalam ucapannya, Najib berkata, program itu dibuat atas kesedaran betapa besarnya rancangan dan sumbangan imam dan pengerusi JKKK dalam masyarakat.

“Saya berazam, sejak memegang jawatan sebagai Perdana Menteri, saya akan melakukan yang sebaik-baiknya mengikut kemampuan kerajaan untuk terus membela kumpulan ini dengan memartabatkan kedudukan dan kebajikan mereka,” katanya.

Perdana Menteri berkata, bakal-bakal haji itu merupakan mereka yang belum pernah menunaikan ibadah tersebut dan tarikh permergian mereka ke Tanah Suci telah dimaklumkan kepada mereka.

Katanya, program tersebut menjadi program tahunan IMDB sejak dimulakan



**NAJIB** menyampaikan surat tawaran menunaikan haji kepada imam dan ketua kampung di Seri Perdana, Putrajaya semalam.

tahun lepas.

Turut hadir, Pengerusi Lembaga IMDB, Tan Sri Lodin Wok Kamaruddin dan Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif Tabung Haji, Datuk Ismee Ismail.

Di bawah program itu, IMDB akan menanggung RM4 juta manakala Tabung Haji sebanyak RM2 juta.

Sementara itu, Ketua Kampung Ulu Parit, Pekan, Zainuddin Mansor, 64, berkata, dia bersyukur kerana mendapat tawaran tersebut yang dianggapnya satu hadiah yang

tidak disangka-sangka.

Baginya, hadiah itu sebagai penghargaan kerajaan kepadanya yang memegang jawatan pengerusi JKKK sejak 19 tahun lalu.

Imam Masjid Kampung Majau, Kuala Pilah, Mohd. Wazir Mohd. Nor, 29, pula berkata, dia terkejut menerima tawaran tersebut yang dianggap hadiah bermakna sempena hari raya.

“Saya ingat orang tersalah hantar mesej tetapi apabila saya hubungi semula, saya cukup gembira kerana terpilih,” ujarnya.